

APA ITU APEL?



APEL adalah pengakreditan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning - APEL). APEL didefinisikan sebagai satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu.

Secara umumnya, proses APEL melibatkan penilaian pembelajaran berasaskan pengalaman yang boleh diperolehi melalui pelbagai kaedah termasuk persekolahan yang formal, pengalaman hidup dan pekerjaan, latihan, pengajian bebas, kerja suka rela, hobi dan seumpamanya.

KENAPA APEL?



APEL diwujudkan bagi menyediakan laluan kemasukan alternatif kepada mereka yang memiliki pendidikan formal yang kurang mencukupi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

APEL menggalakkan seseorang individu untuk meningkatkan pengetahuan secara berterusan yang membawa kepada penganugerahan sijil kelayakan formal. Ini seterusnya akan memberi peluang yang lebih cerah dalam perkembangan kerjaya individu tersebut.



BERMINAT?

Berikut adalah kriteria asas yang perlu dipatuhi :

- Bagi Kemasukan ke Program Peringkat Ijazah Sarjana Calon haruslah warganegara Malaysia berumur 30 tahun ke atas pada tahun permohonan di buat. Memiliki sekurang-kurangnya STPM / diploma / setara dengan pengalaman kerja yang berkaitan dan lulus penilaian APEL.
- Bagi Kemasukan ke Program Peringkat Ijazah Sarjana Muda Calon haruslah warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas pada tahun permohonan dan memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dan lulus penilaian APEL.
- Bagi Kemasukan ke Program Peringkat Diploma Calon haruslah warganegara Malaysia berumur 20 tahun ke atas pada tahun permohonan dan memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dan lulus penilaian APEL.
- Bagi Kemasukan ke Program Peringkat Sijil Calon haruslah warganegara Malaysia berumur 19 tahun ke atas pada tahun permohonan dan memiliki pengalaman kerja yang berkaitan dan lulus penilaian APEL.

SENARAI FI

KELAYAKAN TAHAP MQF	SYARAT KELAYAKAN MASUK	FI
Sijil (Tahap 3)	Calon hendaklah berumur 19 tahun ke atas Pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan	RM155
Diploma (Tahap 4)	Calon hendaklah berumur 20 tahun ke atas Pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan	RM155
Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6)	Calon hendaklah berumur 21 tahun ke atas Pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan	RM250
Ijazah Sarjana (Tahap 3)	Calon hendaklah berumur 30 tahun ke atas Pada tarikh permohonan dibuat serta memiliki sekurang-kurangnya STPM / Diploma / Setara serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan	RM370

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA(MQA)
www2.mqa.gov.my/apel
E-mel: unitapel@mqa.gov.my

-  www.mqa.gov.my
-  OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
-  MQA Malaysia (@MQAMalaysia)




PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU

"Pembelajaran terdahulu bermaksud ilmu pengetahuan, kemahiran atau sikap yang diperolehi sebelumnya dan mencakupi pengalaman terdahulu"
(Akta Agensi Kelayakan Malaysia, 2007) (Akta 679)



MOHON APEL ONLINE!

5 LANGKAH MUDAH UNTUK LAYARI APEL ONLINE



WWW.MQA.GOV.MY

1

LAYARI PORTAL MQA



2

KLIK IKON APEL



3

KLIK BUTANG PERMOHONAN

4

ISI BORANG PERMOHONAN

PERMOHONAN

Syarat Permohonan:
 1. Warganegara MALAYSIA
 2. Berumur; 19 tahun dan keatas

APPLICATION FORM - ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING
 BORANG PERMOHONAN - PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU

Please complete the form below. Mandatory fields marked*
 Sila lengkapkan borang di bawah. Ruang bertanda * wajib diisi.

IC Number/Pasport/Army/Police : _____
 No. Kad Pengenalan/Pasport/Tentera/Polis : _____
 Age / Umur : _____
 Date Of Birth / Tarikh Lahir : _____
 Full Name (as in IC) : _____
 Nama Penuh (seperti di kad pengenalan)* : _____
 Gender / Jantina* : Male / Lelaki Female / Perempuan
 Level Of Intended Study : _____
 Peringkat Pengajian* : _____
 Field / Bidang : _____
 * bagi Peringkat Ijazah Sarjana
 Correspondence Address : _____

5

Hantar

KLIK HANTAR

SELESAI

MQA AKAN MENGHUBUNGI ANDA